

25 kakitangan UMS-KAL sertai Bengkel Penyediaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif

UB 23/05/2012

B2

LABUAN: Seramai 25 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Bengkel Penyediaan dan Cara Pembentangan Kumpulan Inovatif dan Kreatif di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara UMS-KAL pada 21-22 Mei lalu.

Peserta itu mewakili Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pembangunan

dan Penyelenggaraan dan Perpustakaan serta Bahagian Keselamatan.

Bengkel dua hari itu dikendalikan penceramah daripada Malaysian Productivity Corporation (MPC), Tooty Jamaluddin.

Beliau berkata kaedah PDCA (Plan, Do, Check, Action) atau rancang, buat, semak dan tindakan merupakan kaedah yang paling kerap serta mudah digunakan bagi

menyelesaikan masalah di tempat kerja oleh sekumpulan pekerja.

Katanya, untuk menentukan sesuatu masalah itu sama ada telah dapat diselesaikan mengikut kehendak kumpulan adalah dengan membuat perbandingan dengan sasaran atau objektif yang telah ditetapkan.

Tooty berkata sebelum sesuatu masalah itu dapat diselesaikan punca-punca yang menyebabkan masalah

itu terjadi hendaklah dianalisa secara terperinci bagi memudahkan proses mencari jalan penyelesaian.

“Punca-punca yang telah dibuktikan menjadi sebab kepada terjadinya masalah itu hendaklah diambil tindakan untuk memastikan masalah tidak berulang atau dikurangkan,” katanya.

Turut menyertai bengkel itu ialah Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Noraini Samsu.